

NOVEL LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA

Tema

Tema novel ini ialah keberanian dan keperwiraan askar Melayu yang sanggup berjuang hingga akhir hayat. Keperwiraan askar Melayu yang diketuai oleh Leftenan Adnan bin Saidi melambangkan perasaan cinta akan tanah air demi mempertahankan negara daripada penjajahan kuasa asing. Keberanian anggota pasukan Rejimen Askar Melayu melawan tentera Jepun telah berjaya memupuk semangat kebangsaan dalam kalangan rakyat.

Persoalan

a. Persoalan semangat kepahlawanan yang tinggi dalam diri anak muda

Leftenan Adnan dan adik-adiknya memiliki semangat kepahlawanan sejak kecil lagi. Buktinya, mereka gemar bersilat dan bermain perang olok-lok. Aktiviti tersebut telah melahirkan semangat juang, keberanian, dan sikap tidak mudah mengalah pada diri mereka.

b. Persoalan kepentingan ilmu agama dalam kehidupan

Pak Saidi dan Mak Milah sangat menitikberatkan penguasaan ilmu agama dalam kehidupan keluarga mereka. Buktinya, mereka mengajar anak-anak mereka mengaji al-Quran dan solat yang sempurna.

c. Persoalan kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan

Pak Saidi menghantar anak-anaknya belajar di sekolah Inggeris supaya mereka dapat mempelajari ilmu hisab, sejarah, dan bahasa Inggeris supaya memperoleh ilmu dan mendapat pekerjaan yang baik.

d. Persoalan kasih sayang sesama ahli keluarga

Adnan dan ahli keluarganya sayang-menayangi. Buktinya, Mak Milah dan Pak Saidi amat bimbang akan keselamatan semua anak mereka yang menceburii bidang ketenteraan ketika Jepun menyerang Tanah Melayu. Adnan dan Sophia juga pasangan suami isteri yang sayang-menayangi.

e. Persoalan amalan tolong-menolong dalam kalangan masyarakat yang berlainan kaum dan agama

Oleh sebab pendapatan Pak Saidi tidak rnenentu. Ah Chong membenarkan Pak Saidi membeli basikal di kedainya secara ansuran.

f. Persoalan keberanian anak muda menghadapi cabaran bagi mencapai cita-cita

Adnan dan Mamat sanggup melalui perjalanan yang jauh bagi menghadiri temu duga menyertai pasukan tentera di Port Dickson.

g. Persoalan sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan tanah air tercinta

Anggota Rejimen Askar Melayu sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan tanah air daripada jatuh ke tangan kuasa asing.

h. Persoalan amanah dalam menggalas tanggungjawab

Apabila menerima tanggungjawab dan tugas dari pihak atas, Leftenan Adnan bersungguh-sungguh melaksanakan amanah tersebut. Buktinya, beliau menerima tugas menjaga dua pangkalan tentera pada masa yang sama meskipun tugas itu berat.

i. Persoalan tugas menjaga keselamatan negara merupakan tanggungjawab bersama

Penghulu Deraman dan penduduk kampung sedia membantu Leftenan Adnan menentang tentera Jepun.

Teknik plot

Teknik dialog	Pak Saidi berbual dengan Ah Chong ketika Pak Saidi menghantar basikalnya yang rosak ke kedai Ah Chong untuk dibaiki.
Teknik imbas kembali	<ul style="list-style-type: none"> a. Pak Saidi teringat akan tulisan Syed Syeikh al-Hadi dalam majalah Al-Imam dan risalah yang dibacanya. b. Pak Saidi bercerita kepada Adnan tentang kampung mereka yang pernah dilanda banjir sehingga menenggelamkan kawasan perkuburan lama. c. Leftenan Adnan teringat akan kenangan silamnya ketika menyambut hari raya bersama-sama ibu, ayah, dan adik-adiknya.
Teknik kejutan	<ul style="list-style-type: none"> a. Pembaca terkejut apabila Adnan menyatakan keputusannya untuk menyertai pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris kerana Adnan belum mahir berbahasa Inggeris. b. Pembaca terkejut apabila Adnan dan Budin tidak meneruskan perlawanan tinju, sebaliknya mereka bersalamans dan berpelukan di tengah gelanggang. c. Pembaca terkejut apabila mengetahui Sophia menghidap penyakit leukemia.

Watak dan Perwatakan

Leftenan Adnan bin Saidi (Watak utama)	<ul style="list-style-type: none"> a. Beliau anak sulung Pak Saidi dan Mak Milah serta abang Ahmad dan Amarullah. b. Beliau suami Sophia dan ayah Mokhtar, Zainudin, dan Fatimah. c. Leftenan Adnan mempunyai semangat kepahlawanan sejak kecil. Selain keturunan pahlawan, beliau pandai bersilat, bermain bola sepak dan bertinju. Di samping itu, beliau berani, tidak mudah mengalah, dan pantang dicabar. d. Dalam bidang akademik, beliau bijak. Buktinya, beliau sentiasa mendapat tempat pertama di dalam kelas ketika zaman persekolahannya. e. Beliau rajin. Buktinya, beliau selalu membantu ayahnya di kebun getah dan di dusun buah-buahan mereka. Selain itu, beliau rajin membaca dan mengulang kaji pelajaran. f. Beliau juga patuh akan suruhan agama. Buktinya, beliau tetap bersolat setiap kali masuk waktunya termasuk ketika bekerja. g. Beliau juga berpendirian tegas. Buktinya, beliau bertegas mahu menjadi askar seperti yang dicipta-citakannya sedangkan pada masa itu beliau telah menjadi guru dan cita-citanya itu tidak dipersetujui oleh ibunya. h. Leftenan Adnan juga penyayang. Buktinya, beliau menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke kampung demi menjaga keselamatan mereka ketika peperangan berlaku.
---	---

	<ul style="list-style-type: none"> i. Di samping itu, beliau amanah, bertanggungjawab, dan tegas ketika menjalankan tugas. Buktinya, beliau segera mengarahkan serangan terhadap tali barut Jepun setelah mengetahui tempat persembunyian mereka.
Pak Saidi	<ul style="list-style-type: none"> a. Pak Saidi ialah suami Mak Milah dan ayah Adnan, Ahmad, serta Amarullah. b. Dia berketurunan pahlawan. Buktinya, dia cucu pahlawan terbilang di Negeri Sembilan, iaitu Datuk Siamang Gagap. c. Dia bekerja sebagai penoreh getah, pesawah padi, dan pekebun. d. Pak Saidi rajin. Buktinya, selepas menoreh getah pada waktu pagi, dia ke sawah atau ke dusun buah-buahannya untuk menebas semak belukar. e. Dia sangat menghargai masa. Buktinya, dia menghabiskan masa lapangnya dengan membaca dan tidak gemar duduk-duduk di kedai kopi. f. Selain itu, dia pemurah dan baik hati. Buktinya, dia selalu menyedekahkan buah-buahan di dusunnya kepada jiran tetangga. g. Pak Saidi berwawasan tinggi. Buktinya, dia menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris agar anak-anaknya mendapat pelbagai ilmu pengetahuan dan berpeluang untuk memegang jawatan sebagai pegawai tinggi. h. Dia berpendirian tegas. Buktinya, dia tetap menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris meskipun dikecam oleh penduduk kampungnya. (i) Selain itu, Pak Saidi penyayang. Buktinya, dia sanggup bekerja keras untuk mencari wang demi kasih sayangnya kepada isteri dan anak-anaknya. j. Dia sangat berani. Buktinya, dia menikam lima orang askar Jepun dan mencederakan 25 orang askar yang lain dengan keris pusakanya ketika mereka menangkapnya
Nordin	<ul style="list-style-type: none"> a. Nordin ialah anak Pak Abu. b. Sewaktu remaja, dia nakal. Buktinya, dia gemar mencuri buah-buahan di dusun penduduk kampung serta mempersenda Adnan dan Mamat yang bercita-cita ingin menjadi askar. c. Selain itu, dia suka membuang masa. Buktinya, dia sering duduk-duduk dan bermain dam di warung Pak Samad. d. Nordin juga tidak menghormati orang tua. Buktinya, dia menyindir dan menghina Pak Karim dan Pak Saidi di warung Pak Samad dengan mengatakan Pak Karim dan Pak Saidi miskin padahal mereka kuat bekerja. e. Di samping itu, dia pendendam dan mudah buruk sangka terhadap orang lain. Buktinya, dia menyangka Pak Saidilah yang mengadukan perbuatannya mencuri buah-buahan penduduk kampung kepada ayahnya sehingga dia dipukul oleh ayahnya itu lalu dia merosakkan basikal Pak Saidi. f. Namun demikian, dia insaf akan kesilapannya. Buktinya, dia meminta maaf daripada Adnan setelah menyedari kesalahannya kepada

Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita	<p>Adnan.</p> <p>a. Leftenan Jeneral Tomoyuki Yamashita ialah pemimpin Angkatan Tentera Laut Jepun.</p> <p>b. Dia bercita-cita tinggi. Buktinya, dia berhasrat untuk menakluk Tanah Melayu dan Singapura.</p> <p>c. Dia bijak. Buktinya, dia menghantar pasukan perisik ke Tanah Melayu bagi mengumpulkan maklumat tentang kekuatan tentera British serta melukis peta dan jalan-jalan di negara ini supaya tentera Jepun dapat mendarat di Tanah Melayu dengan mudah dan seterusnya menewaskan tentera British.</p> <p>d. Selain itu, dia kejam. Buktinya, dia menyeksa Leftenan Adnan dengan kejam kerana Leftenan Adnan telah membunuh adiknya.</p> <p>e. Dia juga pendendam. Buktinya, dia mengarahkan pegawainya mencari keluarga Leftenan Adnan untuk membunuh mereka sungguhpun Jepun telah berjaya menakluk Tanah Melayu.</p>
-------------------------------------	---

Latar

1. Latar tempat

- a. Di rumah Pak Saidi - Pak Saidi ditembak oleh tentera Jepun di halaman rumah tersebut.
- b. Di warung Pak Samad - Pak Saidi menyampaikan kandungan tulisan Syed Syeikh al-Hadi dalam risalah terbaharu kepada pelanggan yang berada di warung.
- c. Di Sekolah Inggeris di pekan Sungai Ramal - Apabila Cikgu Anderson bertanyakan cita-citanya, Adnan memberitahu gurunya itu bahawa dia ingin menjadi askar.
- d. Di Kem Latihan Ketenteraan Haig Lines, Port Dickson, Negeri Sembilan - Adnan, Mamat, Yusof, dan Jaafar menjalani temu duga untuk menjadi askar Melayu.
- e. Di pantai Kelantan - Beberapa buah kapal pengangkut Jepun menghampiri pantai Kelantan untuk mendaratkan tenteranya di Pantai Badang, Pantai Sabak, dan Pantai Kuala PakAmat,

2. Latar masa

- a. Pada waktu subuh - Adnan mandi pada waktu subuh pada hari pertama persekolahannya.
- b. Pada waktu pagi - Pak Saidi menguruskan kemasukan Adnan di sekolah Inggeris di pekan Sungai Ramal.
- c. Pada waktu tengah hari - Pak Saidi bertanya kepada anak-anaknya tentang perkembangan bacaan dalam solat masing-masing dan menasihati mereka agar menjadi orang yang soleh serta berbakti kepada bangsa, agama, dan tanah air sambil mereka makan tengah hari.
- d. Pada waktu petang - Tok Ketua Kampung, Lebai Pian, Pak Karim, dan Isa menemui Pak Saidi untuk mendapatkan penjelasan tentang tindakannya menghantar Adnan ke sekolah Inggeris.
- e. Pada waktu malam - Nordin dan kawan-kawannya tidur di masjid setelah Nordin dipukul oleh ayahnya, Pak Abu.
- f. Perang Dunia Kedua - Perang melibatkan Jerman dan Itali dengan Amerika Syarikat dan British manakala Jepun pula sedang bersiap sedia untuk menjajah Singapura dan Tanah Melayu.

- g. Sabtu, 6 Disember 1941 - Pegawai-pegawai Tentera Laut Amerika Syarikat dan British menghadiri satu persidangan tertutup di Manila untuk membincangkan persiapan Jepun untuk menakluk Asia
- h. Pada tengah malam 8 Disember 1941 - Meriam dibedil pada tengah malam itu sebagai tanda bermulanya Perang Dunia Kedua di Timur Jauh dan Pasifik.
- i. Pada 10 Februari - Tentera Jepun bertempur dengan Batalion 2 Rejimen Askar Melayu dan Briged India ke-44 di Jurong.

3. Latar masyarakat

a. Masyarakat kampung yang miskin dan bekerja sendiri

Sebahagian besar penduduk Kampung Sungai Ramal bekerja sebagai penoreh getah, pesawah, dan pekebun.

b. Masyarakat yang mementingkan kasih sayang dalam keluarga

Keluarga Pak Saidi sayang-menayangi.

c. Masyarakat pelbagai kaum yang mesra

Ah Chong mengizinkan Pak Saidi membeli sebuah basikal baharu secara bayaran ansuran kerana dia percaya akan Pak Saidi.

d. Masyarakat yang mempunyai semangat patriotik yang sangat tinggi

Golongan ini berjuang untuk mempertahankan tanah air daripada penjajah, seperti Leftenan Adnan, Mamat, Nordin, dan Pak Saidi.

e. Masyarakat yang menghabiskan masa dengan perkara yang tidak berfaedah

Nordin dan kawan-kawannya kerap bermain dam berjam-jam lamanya di warung kopi Pak Samad.

Nilai

1. Nilai hemah tinggi

Pak Saidi melayan tetamu tetamu yang datang ke rumahnya dengan baik dan ramah mesra, seperti menjamu mereka makanan dan minuman.

2. Nilai kasih sayang

Mak Milah meraung apabila mendapat perkhbaran tentang kematian Ahmad akibat kapal yang dinaikinya diserang oleh tentera Jepun.

3. Nilai hormat-menghormati

Leftenan Adnan mematuhi arahan ketuanya untuk mengetuai pangkalan tentera di Pasir Panjang dan Bukit Candu secara serentak.

4. Nilai kerjasama

Penghulu Deraman dan anak buahnya bekerjasama dengan pasukan Leftenan Adnan untuk menghapuskan tali barut Jepun, iaitu Samad dan sekutunya.

5. Nilai patriotisme

Leftenan Adnan berjuang mempertahankan bangsa, agama, dan negara sehingga sanggup mengorbankan nyawanya.

6. Nilai kesyukuran

Sophia bersyukur apabila ditawarkan bekerja sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal semula kerana dia memang memerlukan pekerjaan tetap untuk menyara ayah, ibu, dan anak-anaknya.

Pengajaran

1. Kita mestilah cinta akan tanah air sendiri.

Leftenan Adnan bercita-cita untuk menjadi askar sejak kecil kerana ingin mencurahkan baktinya kepada bangsa, agama, dan negara.

2. Kita haruslah menjalinkan hubungan baik dan memupuk perpaduan antara kaum.

Ah Chong memberi wang kepada Adnan sebagai sedekah sewaktu melihat Adnan dalam perjalanan menghadiri temu duga tentera.

3. Kita hendaklah tabah menghadapi dugaan hidup.

Sophia tabah menghadapi kematian suaminya, iaitu Leftenan Adnan di medan peperangan.

4. Kita hendaklah memanfaatkan ilmu pengetahuan yang dimiliki untuk kepentingan anak bangsa.

Sophia yang pernah menjadi guru di Sekolah Melayu Sungai Ramal menggunakan ilmunya untuk mengajar anak-anak tentera di Pangkalan Tentera Bukit Candu.